NASKAH INTEGRITI LADA

SIRI 4

Lestari Integriti 13-14

Lensa Integriti 16-21

3 Amanat Ketua Pegawai Eksekutif LADA 07

Azam Baru Tahun 2023

Praktis Integriti 08

Apakah Peranan Dan Tanggungjawab Warga Kerja LADA Dalam Membudayakan Integriti?

Artikel Integriti 10-12

....Isu rasuah, pecah amanah, khianat, culas, tidak bertanggungjawab, tidak tepati waktu dan lain-lain lagi seolah-olah telah dinormalisasikan oleh rakyat Malaysia.

Sarikata

Diharapkan Naskah Integriti ini dapat membantu meningkatkan lagi keberkesanan dan kawalan dalaman terhadap pengurusan tatakelakuan, kewangan dan aktiviti di LADA. Ini termasuklah aspek pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan, pengurusan yang cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh yang demikian, komitmen yang tinggi adalah sentiasa menjadi agenda penting ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan LADA yang telus dan berintegriti.

Selain itu, infografik yang dipaparkan hendaklah dijadikan panduan, difahami seterusnya diterjemahkan kepada tindakan pembetulan dan penambahbaikan supaya akauntabiliti dan integriti di LADA sentiasa terus berada di tahap yang cemerlang.

Nasaruddin Bin Abdul Muttalib
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Prakata
Ketua Unit Integriti

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dengan izin-Nya, Naskah Integriti LADA Siri 4 dapat diterbitkan sekali lagi. Permulaan tahun 2023 yang penuh ceria dan azam baru dalam menjadikan kehidupan dan pekerjaan kita semua lebih baik daripada tahun sebelumnya. Permulaan tahun baru ini dengan hala tuju dan momentum baharu dapat memacu organisasi dalam mencapai segala resolusi dan matlamat yang ditetapkan pada tahun ini. Penerbitan Naskah Integriti ini merupakan satu wadah untuk mewar-warkan informasi dan aktiviti Unit Integriti LADA bagi membuka minda warga kerja kepada beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Unit ini. Diharapkan melalui penerbitan Naskah Integriti ini, warga kerja LADA akan mendapat manfaat dan ilmu terutamanya dalam aspek governans, pengukuhan integriti dan pematuhan selaras dengan fungsi teras penubuhan Unit Integriti di LADA. Dengan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sidang Redaksi Naskah Integriti LADA yang berjaya menerbitkan Siri Keempat ini. Izinkan saya untuk mengakhiri pesanan ini dengan serangkap pantun:

Di dahan ara hinggap kenari,
Hinggap sekawan di pohon jati,
Terima kasih saudara saudari,
Memberi tumpuan sepenuh hati.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Ahmad Fuad Bin Che Ani@Abd Ghani
Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif (Pengurusan)

Ketua Editor
Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani
Ketua Unit Integriti

Pasukan Editor
Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman, Roshasnita Binti Roski,
Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi, Rozita Binti Aziz

Isi Kandungan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	3
Prakata Ketua Unit Integriti	4
Sidang Redaksi	5
Fokus Integriti	7
Praktis Integriti	8
Bingkisan Integriti	9
Artikel Integriti	10-12
Lestari Integriti	13-14
Integrity Quotes to Remember by Heart	15
Lensa Integriti	16-21
Hebahan Integrity Today	22-34

Fokus Integriti

AZAM BARU TAHUN 2023 KEPADA WARGA LADA

3 AMANAT

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA

1. Menjadikan LADA sebagai satu tempat kerja yang lebih baik untuk kita semua berbakti kepada masyarakat
2. Memupuk rasa sayang kepada LADA dan menambah nilai dalam tugas yang disempurnakan
3. Menjadikan LADA sebagai satu organisasi yang lebih efektif dan efisien dalam menyampaikan perkhidmatan kepada komuniti Langkawi

HAYATI BERSAMA AMANAT INI

TINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN PRESTASI

KECEMERLANGAN UNGGUL MILIK ORGANISASI

Praktis Integriti

APAKAH PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA LADA DALAM MEMBUDAYAKAN INTEGRITI?

Amanah atau integriti merupakan salah satu sifat mulia yang dizahirkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ajaran untuk bersifat amanah ini sejalan dengan perintah Allah di Surah An Nisa ayat 58 yang ertinya:

"Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sungguh, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat".

Namun, kadangkala apabila berlaku konflik kepentingan, keutamaan haruslah diberikan kepada kelangsungan kepentingan awam. Maka adalah penting bagi penjawat awam melaksanakan segala amanah dengan sebaiknya supaya tahap kepercayaan rakyat terhadap penjawat awam tidak terjejas sehingga boleh mengganggu kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.

Aspek keutamaan warga kerja LADA dalam pembudayaan integriti adalah memperkasa perkhidmatan awam dengan konsep Berpasukan Integriti dan Profesional (BIP). BIP dapat menyemarakkan pembudayaan nilai integriti kalangan warga kerja LADA di samping peningkatkan produktiviti kerja.

Di mana budaya berintegriti diutamakan??

Aspek kepercayaan dan penghormatan yang lebih tinggi akan diberikan kepada Pegawai yang pastinya lebih arif dan mahir mengenai selok-belok governans dan integiriti pengurusan pentadbiran Kerajaan. Amalan budaya kreatif dan kebolehan berfikir di luar kotak perlu digalakkan agar setiap warga kerja LADA boleh mempertajamkan dan mengaplikasikan kebolehan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing, sekali gus memperkukuh amalan budaya berintegriti.

Justeru, bagi melestarikan kelangsungan amalan pembudayaan integiriti dalam perkhidmatan awam, beberapa perkara harus diambil kira dengan penuh iltizam demi memastikan perkhidmatan awam kita bertaraf dunia seperti berikut:

- Mengikhlaskan **niat** dalam melaksanakan kerja yang dipertanggungjawabkan bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT.
- Menjadikan integriti dan amalan tadbir urus sebagai **nilai utama** dalam pekerjaan dan elemen penting dalam pengurusan organisasi.
- Meningkatkan **iltizam** untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi memberikan hasil yang berkualiti dan memberi manfaat.
- Menjauhkan diri dari **sifat-sifat mazmumah** seperti menyeleweng, salah guna kuasa, menipu, terlibat dalam rasuah dan sebagainya dalam pekerjaan.

Bingkisan Integriti

WASPADA!!!
URUSAN ANDA DIPANTAU

SALAH LAKU JENAYAH

Seperti memberi dan menerima rasuah, memalsukan dokumen dan menipu dalam urusan perolehan atau pun urusan rasmi Kerajaan.

SALAH LAKU INTEGRITI

Seperti tidak jujur dan tidak amanah, tidak bertanggungjawab, cuai, meniru tandatangan pegawai atasan, menggunakan logo rasmi LADA bagi tujuan peribadi dan membawa pengaruh luar agar menyokong urusan rasmi di LADA

Sebarang aduan mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi bolehlah disalurkan kepada:

Unit Integriti LADA
Aras M2, Kompleks LADA
04-9600 770/771/784/786
integriti@lada.gov.my

Artikel Integriti

INTEGRITI TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Petikan: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Selangor

Kebelakangan ini gempar di Malaysia kes-kes rasuah dan pecah amanah yang berlaku di kalangan segelintir kepimpinan negara. Isu rasuah, pecah amanah, khianat, culas, tidak bertanggungjawab, tidak tepati waktu dan lain-lain lagi seolah-olah telah dinormalisasikan oleh rakyat Malaysia.

Perkara ini menjadi kebiasaan dari peringkat pucuk kepimpinan negara sehinggalah kepada golongan muda yang bakal menjadi masa depan negara. Sekiranya perkara ini terus dinormalisasikan di dalam masyarakat, maka ianya akan meruntuhkan seluruh struktur kepercayaan dan kesetiaan terhadap negara, dan ini mengganggu gugat prinsip rukun negara yang dipegang selama ini.

Integriti jika dibincangkan secara umum, ianya merujuk kepada "kejujuran", "ketulusan", "keadaan sempurna dan utuh atau keutuhan" dan bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Secara etimologi, kalimah yang berasal daripada perkataan Inggeris *"integriti"* yang diserap ke dalam bahasa Melayu ini berasal daripada kalimah Latin *"integer"* yang membawa maksud "penuh" *(whole)* "utuh" *(intact)*. Daripada *"integer"* ia berubah kepada *"integritatem"* (Latin) dan kemudiannya *"integrité* (French Lama) dan diserap ke dalam bahasa Inggeris sekitar 1400an sebagai *"integrity"* kata nama yang membawa maksud "tidak bersalah" *(innocence)*, suci bersih *(chastity and purity)*.



Integriti menurut Islam merujuk kepada salah satu dari cabang-cabang takwa. Perbincangan integriti dalam Islam kerap kali dikaitkan dengan konteks amanah dan itqan (bersungguh-sungguh).

Allah SWT meletakkan terdapat dua ciri-ciri orang beriman dalam surah al-Mukminun ayat 8: Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Di samping itu, Rasulullah SAW juga sangat menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja, mafhumnya:

"Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh)" (Hadis riwayat al-Tabarani).

Sifat amanah dan bersungguh-sungguh dalam berkerja ini turut berkait-rapat dengan prestasi dan kecemerlangan tadbir-urus sesebuah organisasi. Apabila nilai-nilai ini diterapkan dan ditanamkan dalam jiwa para pekerja, sudah tentu sesebuah organisasi itu mampu untuk menghasilkan perkhidmatan yang efisyen dan produk yang berkualiti, serta mengoptimumkan daya saing mereka dalam apa jua industri.

Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjejaskan kredibiliti sesebuah organisasi. Ini kerana apabila sesebuah organisasi yang dipalit dengan masalah intergriti seperti ini, sudah tentu tidak mendapat kepercayaan dan hormat daripada masyarakat.

Sifat-sifat ini dicirikan Rasulullah SAW sebagai sifat golongan munafiq, dimana Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya:

"Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati" (Riwayat al-Bukhari).

Menurut Ibn Khaldun dalam bukunya "Muqaddimah", salah satu punca kejatuhan tamadun adalah kemerosotan nilai integriti dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, pelbagai cabaran integriti yang berlaku di dalam negara, antaranya:

Dalam mencari solusi, Islam ada jawapannya, kerana segalanya bermula dari diri sendiri.

"Rasulullah SAW sebagai *Uswatun Hasanah* telah mendidik nilai-nilai integriti sepanjang hayat baginda dari pekerjaan mengembala kambing, kemudian sebagai seorang peniaga, menjadi seorang suami, sebagai ayah, lalu dilantik menjadi Rasul, sekali gus membawa amanah dan tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin, juga sebagai panglima di medan perang".

Nabi mempraktikkan nilai amanah dan itqan sepanjang hayatnya, namun apakah modal utama untuk melahirkan amanah dan itqan? Jawapannya ialah takwa. Sifat taqwa dapat memelihara diri daripada melakukan sebarang dosa kerana keyakinan terhadap akhirat, perkara aib, dosa, pahala dan hari pembalasan.

Untuk mendapatkan takwa, seorang muslim perlu belajar dan mendidik diri tentang nilai Ihsan, yakni kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, tetapi jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu. Ihsan dalam konteks integriti adalah merupakan satu kemahiran. Maka yang perlu dijawab ialah bagaimanakah menggunakan perasaan dalaman dan hati nuraninya sendiri untuk membersihkannya, termasuk ajaran agama dan budaya hidupnya sendiri, untuk membina peribadinya yang menghayati sifat mulia dan baik?
Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan ihsan, dan memberikan hak kaum keluarga, dan (Dia) melarang (kamu) daripada melakukan keburukan dan kemungkaran serta kezaliman. Dia mengingatkan kamu semoga kamu mengambil pelajaran" (Surah Al-Nahl ayat 90).

Oleh yang demikian, usaha memperkukuhkan integriti dalam tadbir urus yang terbaik memerlukan kepada penerapan nilai-nilai Islam. Justeru, jadilah pekerja yang bertaqwa dalam apa jua bidang yang secara langsung ia boleh meningkatkan integriti dan kredibiliti sebagai penjawat awam.

Lestari Integriti

PENGUKUHAN INTEGRITI

Program Santai Integriti
"Gangguan Seksual Antara Gurauan dan Jenayah"



Program Pengukuhan Integriti *"Do The Right Thing"*

Program *Integrity – Fit*

PENGUKUHAN INTEGRITI

Pertandingan Dapur Bonda

Program Bicara Integriti
"Pengurusan Integriti Tanggungjawab Bersama"

INTEGRITY QUOTES TO REMEMBER BY HEART

"I am not bound to WIN, but I am bound TO BE TRUE. I am not bound to SUCCEED, but I am bound to LIVE UP to what light I have"

– Abraham Lincoln –

"LEADERSHIP is not just some empty formulas but establishing deep connection at soul levels through SERVICE, INTEGRITY, PASSION, PERSEVERANCE and EQUANIMITY"

-Amit Ray-

Lensa Integriti

Sambutan Jubli Perak Taman Lagenda Langkawi

Pertandingan “Kacau Bubur Asyura”



Pesta Bendang Langkawi

Lawatan Gabenor Satun

Gotong Royong Taman Lagenda

Lagendary Walk

Anugerah Kecemerlangan Langkawi (A-Kawi)

Perhimpunan Bulanan Edisi Oktober

Majlis Konvokesyen Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali Ke-9 Tahun 2022

Family Day LADA

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021

Program Gotong-Royong Kubang Badak

Hari HRMIS 2022

Hebahan

Infografik Tahun 2022

Bilangan 7 Tahun 2022

1) Larangan Melakukan Pekerjaan Luar Semasa Waktu Bekerja
2) Syarat-Syarat Melakukan Pekerjaan Luar
3) Ke Luar Negara Dengan Kelulusan Ketua Jabatan

Bilangan 8 Tahun 2022

1) Bekerja Berpasukan
2) Ketidakhadiran Tanpa Cuti
3) Tips Pengurusan Kewangan Yang Bijak

Bilangan 9 Tahun 2022

1) Rezeki Yang Berkat
2) Tindakan Surcaj
3) Tatakelakuan
4) Larangan Membuat Pernyataan Awam

Bilangan 10 Tahun 2022

1) Motivasi Diri Semasa Bekerja
2) Larangan Mengambil Bahagian Dalam Politik
3) *Quote of the Day*
4) Redha dan Bersyukur

Bilangan 11 Tahun 2022

1) *Quote of the Day*
2) Tatacara Penerimaan Hadiah
3) Amalan Integriti – BIP
4) Lebah vs Lalat

Bilangan 12 Tahun 2022

1) Simptom Anxiety
2) Rahsiakan Maklumat Jabatan
3) Prinsip Bersatu Teguh
4) Prinsip Memberi dan Menerima
5) *Quote of the Day*

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 7 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 7 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 8 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 8 TAHUN 2022

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 9 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 9 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 9 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 10 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 10 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 10 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 11 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 11 TAHUN 2022

INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 11 TAHUN 2022



INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 12 TAHUN 2022



INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 12 TAHUN 2022



INFOGRAFIK *INTEGRITY TODAY* BILANGAN 12 TAHUN 2022

Nota

Terbitan Unit Integriti LADA

Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi Kedah Darul Aman
04-9600 770/771/784/786
integriti@lada.gov.my